



KM. 1, JALAN CERUL, BANDAR CENEH BAHARU,
24000 KEMAMAN, TERENGGANU DARUL IMAN.

TEL : 09 – 873 0399

FAKS : 09 – 873 0261

BORANG SEBUTHARGA/TENDER NO. : LRT/IP/ST/2026/14

KEPADA : KONTRAKTOR YANG BERMINAT DAN BERKELAYAKAN

**PERKARA : PROJEK PEMBANGUNAN TANAMAN KELAPA FASA 1
SELUAS 148.2 HEKTAR DI KAWASAN GONG KATUP, MUKIM
CALUK, SETIU, TERENGGANU.
BAGI TEMPOH 01 JUN 2026 HINGGA 30 SEPTEMBER 2026.**

Pihak tuan/puan dijemput untuk memberi sebutharga bagi kerja di atas.

Sekiranya mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi pegawai terlibat iaitu *En. Mohd Shahrul Nizam Kaswadi / En. Mohd Suhaimi Ariffin* di Unit Pentadbiran (Perolehan) di talian 09 – 8730399 /018 9888483)

Kerjasama daripada pihak tuan/puan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,
LADANG RAKYAT TRENGGANU SDN. BHD.,

.....
MOHD ZUKRI BIN MAMAT
Pengurus Pentadbiran Dan Sumber Manusia

Segera Untuk Semakan Sila Komen Sila Jawab Untuk Info

SYARAT-SYARAT SEBUTHARGA/TENDER :

1. SEBUTHARGA/TENDER MESTILAH DIHANTAR DI DALAM SAMPUL SURAT BERLAKRI/BERTUTUP. SILA TULIS NO. SEBUTHARGA/TENDER PADA PENJURU KANAN ATAS SAMPUL SURAT.
2. SEMUA SEBUTHARGA/TENDER MESTILAH DI ALAMATKAN KE:
**PENGURUS PENTADBIRAN DAN SUMBER MANUSIA,
LADANG RAKYAT TRENGGANU SDN. BHD.,
KM1, JALAN CERUL, BANDAR CENEH BAHARU,
24000 KEMAMAN, TERENGGANU.**
3. TENDER YANG DIHANTAR HENDAKLAH DIMASUKKAN KE DALAM PETI TENDER LRTSB YANG DISEDIAKAN DI IBU PEJABAT LRTSB, KMI JALAN CERUL, BANDAR CHENEH BAHARU, KEMAMAN, TERENGGANU.
4. PIHAK TUAN DIKEHENDAKI UNTUK MENDAFTAR SEBAGAI VENDOR DI <https://ivendor.lrtsb.com.my> SEBELUM MENGHANTAR SEBUTHARGA (SEKIRANYA BELUM BERDAFTAR).
5. SEBUTHARGA TENDER HENDAKLAH DIHANTAR BERSAMA PERKARA BERIKUT :
 - a. PENDAFTARAN SYARIKAT SSM
 - b. SALINAN GERAN JENTERA YANG AKAN DIGUNAKAN
 - c. PENYATA BANK 3 BULAN TERKINI
 - d. PENGALAMAN KERJA BERKAITAN (3 TAHUN TERKINI)
6. PIHAK TUAN **DIWAJIBKAN HADIR** PADA SESI TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK YANG AKAN DIADAKAN PADA **07 APRIL 2026 (SELASA) JAM 10.00 PAGI DI MASJID KAMPUNG BANGGOL**, BANDAR PERMAISURI, SETIU, TERENGGANU.(BERKUMPUL DI HADAPAN MASJID DAN AKAN BERGERAK KE TAPAK UNTUK SESI TAKLIMAT PADA JAM 10.30 PAGI) **HANYA SYARIKAT YANG DISAHKAN HADIR PADA SESI TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK SAHAJA YANG DIBENARKAN MEMASUKI TENDER.**
7. BORANG SEBUTHARGA TENDER & SPESIFIKASI KERJA-KERJA PEMBANGUNAN LADANG KELAPA BANGGOL BOLEH DIDAPATI DI UNIT PEROLEHAN, IBU PEJABAT LRTSB ATAU DIMUAT TURUN DI LAMAN WEB <http://www.lrtsb.com.my>
8. PIHAK TUAN DIMINTA UNTUK MEMASTIKAN PERLAKSANAAN DASAR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN DI TEMPAT KERJA SEPERTI MEMAKAI KASUT KESELAMATAN, SARUNG TANGAN, TOPI KESELAMATAN DAN LAIN-LAIN PERALATAN KESELAMATAN DIPATUHI.
9. SILA NYATAKAN TEMPOH JAMINAN : _____ (JIKA ADA).
10. TARIKH TENDER DIKELUARKAN : 05 APRIL 2026
11. TARIKH TUTUP SEBUTHARGA/TENDER PADA : **16 APRIL 2026 (KHAMIS) SEBELUM JAM 1.00 PETANG**

**SEBUTHARGA KERJA-KERJA PEMBANGUNAN
LADANG KELAPA BANGGOL FASA 1
NO TENDER : LRT/IP/ST/2026/14**

ITEM	PERKARA	UNIT	KUANTITI	KADAR (RM)	JUMLAH (RM)
	Kerja-kerja seperti berikut:				
1.	Menebang, Membaris, Mengumpul, & Membersih Kawasan.	hektar	148.20		
2.	Membaris & Membina Parit Utama Saiz 20' x 10' x 8'	meter	2,920		
3.	Membina Parit Sempadan Saiz 10' x 8' x 6'	meter	5,999		
4.	Membina Bund Sempadan Saiz 10' x 5' x 12'	meter	5,549		
5.	Membaris & Membina Parit Pengumpul Saiz 6' x 4' x 3'	meter	3,761		
6.	Membaris & Membina Parit Ladang Saiz 4' x 3' x 2'	meter	58,926		
7.	Membaris, Membina Jalan Utama Saiz 14' (in 3.83km, out 3.98km)	meter	7,816		
8.	Membaris, Membina Jalan Pertanian Saiz 10'	meter	3,761		
9.	Membina & Memampatkan Lorong Tuai, Saiz W23' x H 3'	hektar	148.20		
10.	Membaris Tanaman Jarak 23' x 23' x 23' (sistem segi 3)	hektar	148.20		
	Tempoh Kerja : 01 Jun 2026 – 30 September 2026 (04 Bulan)				
	JUMLAH (RM)				

Nama Syarikat :

Pegawai Untuk Dihubungi :

Tel :

Tandatangan :

Cop Syarikat :

Tarikh :

SPESIFIKASI KERJA-KERJA PEMBANGUNAN LADANG KELAPA BANGGOL (fasa 1A)



SPESIFIKASI PEMBANGUNAN KAWASAN FASA 1 (148.20 HA)


TANGGUNGJAWAB KONTRAKTOR

- a. Kontraktor hendaklah terlebih dahulu mengambil insurans terhadap pekerja di bawahnya sebelum memulakan kerja yang ditawarkan oleh LRTA. Bukti pembelian insurans hendaklah diserahkan kepada pihak pengurusan.
- b. Kontraktor adalah dipertanggungjawabkan dan hendaklah membayar gantirugi untuk sebarang kerosakkan yang menimpa ke atas harta benda atau manusia yang diakibatkan oleh sebarang cara sekali pun semasa pelaksanaan kerja di bawah kontrak ini, yang bererti meliputi Surat Penentuan Kerja ini dan lain-lain Penentuan Kerja yang terkandung di dalam kontrak ini.
- c. LRTA adalah mempunyai hak untuk menahan semua bayaran atau sebahagian daripadanya yang sepatutnya dibayar kepada kontraktor sehingga kerosakan kepada harta benda atau manusia telah diselesaikan gantiruginya dengan menunjukkan bukti yang sah kepada LRTA.
- d. Sebagai kontraktor yang dilantik oleh LRTA, segala pematuhan berkaitan Akta-akta semasa yang terlibat hendaklah diikuti dan dipatuhi. Segala peralatan keselamatan diri hendaklah dibekalkan kepada pekerja (yang digaji oleh pihak kontraktor) adalah menjadi tanggungan kontraktor.
- e. Segala aktiviti berkaitan tender akan dipantau oleh pihak ladang dari masa ke semasa untuk memastikan keselamatan dan kesihatan pekerja dan orang yang bekerja dengan risiko tersebut adalah terjamin sebagaimana yang telah termaktub di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan JKPP (semakan tahun 2022). Keengganan mematuhi peraturan ini boleh menyebabkan tindakan penalti atau penamatan kontrak akan dikenakan kepada pihak kontraktor.

1. MENEBAH, MENGUMPUL DAN MEMBERSIH KAWASAN


- 1.1. Sebelum memulakan kerja, kontraktor hendaklah memeriksa dan memastikan semua batu/pancang sempadan ladang, peringkat dan blok berada dalam keadaan sempurna.
- 1.2. Kontraktor bertanggungjawab ke atas penjagaan batu/pancang sempadan sepanjang tempoh kontrak.
- 1.3. Kontraktor dikehendaki membuat kerja-kerja menebah dengan menggunakan jentolak atau jentera yang sesuai untuk menolak dan menumbang pokok dikeseluruhan kawasan tanpa terkecuali.
- 1.4. Kontraktor perlu membaris sampah (lining stacking) terlebih dahulu sebelum kerja-kerja mengumpul dijalankan, jarak beserta saiz untuk setiap longgokan sampah adalah seperti rajah 1 dan rajah 2.
- 1.5. Semua dahan, akar belukar pokok-pokok gelam, bertam, rotan kelubi, dan serpihan kayu samada hidup atau mati, dipermukaan atau dibawah permukaan tanah hendaklah dibersihkan dan dilonggokkan dengan padat dan kemas di dalam baris-baris longgok.
- 1.6. Baris-baris longgok/sampah mesti lurus, jarak baris longgok dengan baris tanaman tidak boleh melebihi daripada 6 kaki, dan tinggi satu-satu baris longgok tidak melebihi 6 kaki seragam dari hujung ke hujung. Sebelum kerja-kerja mengumpul dijalankan, Kontraktor dikehendaki membaris lorong sampah dengan memasang lurus pancang-pancang di setiap 111 kaki untuk menentukan baris longgok/sampah yang berkenaan. (rujuk rajah 1).
- 1.7. Satu-satu baris longgok/sampah mestilah diputuskan pada setiap 184 kaki untuk menyediakan ruang kosong selebar 14 kaki di antara baris. (rujuk rajah 2).
- 1.8. Kayu-kayu panjang mestilah dipotong/dihancurkan supaya lebar baris sampah tidak melebihi 6 kaki dan disusun pada baris longgokkan. (rujuk rajah 1).

- 1.9. Jarak di antara kedua-dua hujung baris longgok samada dengan jalan atau parit hendaklah tidak melebihi daripada 30 kaki dan ruangan tersebut hendaklah dibiarkan kosong. (rujuk rajah 1).
- 1.10. Pokok, dahan, atau lain-lain sampah yang jatuh kedalam mana-mana laluan air, lembah, atas jalan dan sempadan, akibat daripada penebangan dan pengumpulan hendaklah di bersihkan oleh pihak kontraktor dengan serta merta atas perbelanjaan sendiri. Jika gagal, pihak ladang akan membersihkannya dan mengenakan kos perbelanjaan kepada kontraktor.
- 1.11. Kontraktor atau pekerja-pekerjanya tidak dibenarkan mengalih atau mengubah mana-mana batu sempadan atau sebarang tanda semasa menjalankan kerja-kerja di kawasan projek. Kontraktor bertanggungjawab membayar kos ukur semula dan menggantikan bahan-bahan yang rosak sekiranya berlaku kecuaiian pada pihak kontraktor sekiranya menyebabkan batu/tanda sempadan hilang atau rosak.
- 1.12. Di kawasan yang mana kerja-kerja menebang tidak dapat dibuat secara mekanikal disebabkan oleh halangan-halangan tidak dapat diatasi dan halangan-halangan tersebut diperakui oleh pihak ladang maka kerja-kerja penebangan perlu dibuat secara manual tetapi kerja-kerja pengumpulan hendaklah dilakukan secara mekanikal.
- 1.13. Semua tumbuhan liar termasuk lalang, rumpai, pisang liar, bertam, rotan dan sebagainya yang tumbuh selepas kerja-kerja menebang dan mengumpul di buat hendaklah di cabut secara manual dan di racun sebelum kerja-kerja membaris tanaman di mulakan.



Rajah 1 : Pelan susun atur membaris, menebang & Menyusun sampah

SPESIFIKASI KERJA-KERJA PEMBANGUNAN LADANG KELAPA BANGGOL (fasa 1A)



Rajah 2 : Pelan susun atur membaris, menebang & Menyusun sampah

2. MEMBINA PARIT

- 2.1. Kontraktor perlu membaris parit terlebih dahulu sebelum kerja-kerja menggali parit dijalankan dan dipersetujui oleh pihak ladang. Kayu pancang hendaklah disediakan oleh kontraktor dan dicat dengan warna merah dibahagian atas kurang dari 0.15 meter, jarak setiap pancang adalah sepanjang 40 meter sebelum parit dibina.
- 2.2. Kontraktor hendaklah memotong dan mengalih kayu yang menghalang laluan air.
- 2.3. Setiap cabang parit yang dibina lebih kurang 60° mengikut arus aliran, supaya mengelakan kuala parit ditutupi pasir.
- 2.4. Kontraktor hendaklah mengalih semua akar, kayu, tanah yang digali dan meletakkannya tidak kurang dari 1.2 meter daripada tebing parit. Kontraktor dikehendaki memastikan himpunan ini tidak menghalang air dari mengalir ke dalam parit yang dibina.
- 2.5. Parit yang dibina terdiri daripada beberapa saiz dan jenisnya seperti berikut.


Seperti Jadual 1.

Jenis parit	Ukuran Parit (meter)	Warna Pancang
Collection Drain	4' x 3 x 2'	Biru
Field Drain	6' x 4' x 3'	Kuning
Boundaries Dain	10' x 8' x 6'	Oren
Main Drain	20' x 10' x 8'	Merah

Jadual 1 :Jenis parit dan warna pancang


- 2.6. Kedudukan parit perlu mengambil kira kedudukan lorong sampah/pelepah dan lorong tuai seperti Rajah 3.
- 2.7. Parit-parit yang dibina hendaklah mengikut kecuraman yang sesuai supaya air boleh dialir keluar dari kawasan air bertakung.

- 2.8. Pastikan bucket menggali yang dipasang di excavator berbentuk “ V “ supaya parit yang dibina akan berbentuk “ V “ seperti Rajah 4.



- 2.9. Parit yang akan dibina hendaklah mengikut kecerunan yang sesuai supaya air boleh mengalir keluar.
- 2.10. Parit pertanian perlu dibina bermula dari kuala dan digali dengan lurus mengikut pancang kayu yang ditanda.
- 2.11. Tanah yang digali hendaklah dilonggokkan rata tidak kurang daripada 1.2 meter daripada tebing parit yang dibina.
- 2.12. Segala longgokan tanah tidak menghalang air mengalir ke dalam parit yang dibina.
- 2.13. Kedudukan jentera pengorek hendaklah sentiasa berada ditengah-tengah pancang/lining parit supaya jajaran parit yang dibina menjadi lurus.
- 2.14. Hanya parit yang memenuhi standard sahaja akan diterima untuk proses pembayaran.
- 2.15. Sekiranya parit yang digali itu adalah salah, maka pihak kontraktor perlu menutup kembali parit tersebut tanpa sebarang kos yang akan ditanggung oleh pihak ladang.

SPESIFIKASI KERJA-KERJA PEMBANGUNAN LADANG KELAPA BANGGOL (fasa 1A)



Rajah 4 : Pelan pembinaan parit ladang



Rajah 3 : Pelan susun atur parit ladang

SPESIFIKASI KERJA-KERJA PEMBANGUNAN LADANG KELAPA BANGGOL (fasa 1A)




Pelan susun atur parit utama 20'x10'x8'

3. KERJA MEMBINA JALAN

- 3.1. Kerja-kerja membaris jalan perlu dijalankan terlebih dahulu dan dipersetujui oleh pihak Ladang sebelum kerja-kerja membina dijalankan. Pancang-pancang akan dipancang oleh kontraktor setelah mendapat persetujuan daripada pihak ladang.
- 3.2. Kontraktor dikehendaki menyediakan kayu-kayu pancang untuk memastikan ketepatan jalan-jalan yang akan dibina. Tinggi kayu pancang itu hendaklah 5 kaki dan 1 kaki dan di sebelah atas hendaklah disapukan dengan cat putih.
- 3.3. Lorong tuai akan dibina melintang antara dua baris tanaman. Setiap lorong tuai hendaklah bersambung dengan jalan utama atau jalan ladang.
- 3.4. Ukuran kelebaran jalan adalah seperti berikut:
 - 3.4.1. Main Road – 14'
 - 3.4.2. Field Road – 10'
- 3.5. Panjang jalan pertanian (field road) dianggarkan sepanjang 6 rantai bagi tiap-tiap hektar puratanya.
- 3.6. Kontraktor hendaklah menjalankan kerja-kerja tanah dengan cara teratur dan memastikan kecuraman yang baik supaya pengaliran air dipermukaan jalan dapat dialirkan dengan cepat pada setiap masa.
- 3.7. Jambatan-jambatan sementara di tempat-tempat berkenaan hendaklah disediakan oleh kontraktor untuk membolehkan lalu-lintas bagi alat-alat kelengkapan/kenderaan-kenderaan yang digunakan dalam pembinaan jalan pertanian dan dalam penyeliaan kerja-kerja dibawah kontrak ini.
- 3.8. Jarak antara parit dan tepi jalan sekurang-kurangnya 2.4m (8'). (rujuk rajah 5).

- 3.9. Jalan dibentuk dengan menggunakan sisa tanah parit yang dikorek dan dijadikan sebagai tapak asas jalan sterusnya dimampatkan sebelum kerja-kerja menambak dijalankan . (rujuk rajah 6).



Rajah 5: Pelan susun atur jalan ladang



Rajah 6 : Pelan susun atur Main Road 14'




Rajah 7 : Pelan susun atur Field Road 10'


4. MEMBINA DAN MEMAMPATKAN LORONG TUAI

- 4.1. Kerja-kerja membina dan memampatkan lorong tuai hendaklah dibina setelah kawasan yang terlibat dibersihkan dan mendapat persetujuan daripada pihak ladang.
- 4.2. Sebelum kerja-kerja dijalankan, semua akar, tunggul, kayu dan sampah sarap hendaklah dibersihkan dan dikumpulkan ke baris-baris longgok yang berhampiran. Tunggul-tunggul, kayu yang tertanam digali dan dikumpulkan dan lubang yang digali hendaklah diratakan.
- 4.3. Bagi pembinaan lorong tuai, Kontraktor hendaklah menarik/menaikkan tanah di kiri dan kanan lorong tuai dan dinaikkan ke paras 4' sebelum dimampatkan menjadi 3'. Lebar lorong tuai < 23' dan lorong tuai hendaklah selari dengan baris tanaman/parit dan lorong sampah. (Rajah 8).
- 4.4. Lorong tuai hendaklah dibina berterusan daripada penghujung parit hingga ke jalan pertanian serta bersambung antara lorong tuai ke lorong tuai bersebelahan. (Rajah 9).
- 4.5. Kerja membina lorong tuai hanya boleh dijalankan sekurang-kurangnya 20 hari selepas tanah dinaikkan (untuk pastikan tiada air bertakung).
- 4.6. Lorong tuai dibina dengan menggunakan excavator yang mempunyai papan rantai yang lebar tidak kurang daripada 32 inci.
- 4.7. Kontraktor dilarang menggunakan excavator yang dipasang dengan papan rantai berbentuk tiga segi untuk mengelakkan permukaan tanah menjadi berlekuk-lekuk.
- 4.8. Secara keseluruhannya, kontraktor dikehendaki memampatkan lorong tanaman sebanyak 4 pusingan (mengikut kesesuaian).

SPESIFIKASI KERJA-KERJA PEMBANGUNAN LADANG KELAPA BANGGOL (fasa 1A)



Rajah 8 : Pelan susun atur Lorong tuai



Rajah 9 : Pelan susun atur lorong tuai




Pelan susun atur jalan,parit,culvert dan jambatan

- Jalan
- Parit
- Culvert
- Jambatan Pilling

5. MEMBINA PARIT SEMPADAN

- 5.1. Sebelum memulakan kerja, kontraktor hendaklah memeriksa semua batu/pancang sempadan ladang, peringkat dan blok seperti yang ditunjukkan oleh pihak ladang. Kontraktor adalah bertanggungjawab di atas penjagaan batu/pancang sempadan sepanjang tempoh kontrak.
- 5.2. Jajaran parit sempadan akan dibina setelah dipersetujui oleh pihak ladang. Kayu pancang hendaklah dibekalkan dan dipasang oleh kontraktor serta dicat dengan warna merah dibahagian atas kurang dari 0.15 meter, jarak setiap pancang adalah sepanjang 40 meter sebelum parit dibina.
- 5.3. Kontraktor hendaklah memotong dan mengalih kayu yang menghalang laluan air.
- 5.4. Pembinaan parit sempadan mestilah berada didalam kawasan ladang (sebelum batu/pancang sempadan) Rujuk rajah 10.
- 5.5. Kontraktor hendaklah mengalih semua akar, kayu, tanah yang digali dan meletakkannya tidak kurang dari 1.2 meter daripada tebing parit. Kontraktor dikehendaki memastikan himpunan ini tidak menghalang air dari mengalir ke dalam parit yang dibina.
- 5.6. Tanah-tanah yang digali akan dinaikkan disebelah dalam kawasan ladang seterusnya dijadikan bund sempadan rujuk rajah 10.
- 5.7. Parit sempadan yang dibina hendaklah mengikut kecuraman yang sesuai supaya air boleh dialir keluar dari kawasan air bertakung.
- 5.8. Pastikan bucket menggali yang dipasang berbentuk “ V “ supaya parit yang dibina akan berbentuk “ V “ seperti *Rajah 2*.

- 5.9. Parit yang akan dibina hendaklah mengikut kecerunan yang sesuai supaya air boleh mengalir keluar ke parit sempadan tambahan dan dialirkan terus ke sungai. (kawasan zon pemampasan).
- 5.10. Parit sempadan tambah daripada parameter kawasan ke sungai perlu dibina dengan kecuraman sekitar 60°.
- 5.11. Parit pertanian perlu dibina bermula dari kuala dan digali dengan lurus mengikut pancang kayu yang ditanda.
- 5.12. Jarak antara bund sempadan dengan poin tanaman adalah tidak kurang daripada 8'. (rajah 10).
- 5.13. Bund sempadan yang dibina haruslah menggunakan sisa tanah yang digali daripada parit sempadan dan mengikis tanah – tanah berhampiran untuk membentuk bund sempadan serta dimampatkan.
- 5.14. Semua batang, tunggul, akar kayu hendaklah dibersihkan diatas bund sempadan yang dibina.



Rajah 10 : Pelan susun atur bund sempadan dan parit sempadan

6. SPESIFIKASI KERJA MEMBARIS TANAMAN, LORONG SAMPAH DAN PARIT LADANG

6.1. Kerja meliputi penyediaan, pengukuran, penandaan (staking), dan pembarisan tanaman kelapa sawit dengan jarak 23' x 23 x 23', termasuk pembarisan lorong sampah dan pembarisan parit ladang.

6.2. Spesifikasi kerja

6.2.1. Membaris Tanaman

- Jarak Tanaman: 23' x 23' x 23' (7.0m x 7.0m x 7.0m). Rujuk rajah 14.
- Corak Tanaman: Segi tiga sama (triangular system) / segi empat sama (square system) – mengikut arahan pihak ladang.

6.2.2. Tanda Pokok:

- Menggunakan kayu pancang (1" x 1" x 3') atau buluh.
- Setiap pancang dipacak tegak pada titik tanaman.
- Pancang dicat/bertali bagi memudahkan kawalan barisan.

6.2.3. Membaris Lorong Sampah

- Kedudukan: Satu lorong sampah setiap 4 barisan pokok.
- Arah Lorong: Selari dengan barisan pokok.
- Lebar Lorong: tidak melebihi 4 kaki.
- Fungsi: Sebagai susunan longgokan sisa pokok yang telah dibersihkan.

6.2.4. Membaris Parit Ladang


- Jarak: Setiap 4 barisan pokok disediakan 1 parit ladang (jika diperlukan mengikut kontur & saluran).
- Arah Parit: Selari dengan barisan tanaman & bersambung ke parit utama.
- Tanda Parit: Menggunakan pancang kayu/buluh dengan jarak 20 kaki di sepanjang laluan parit.

6.3. KAEDAH KERJA

- Menggunakan pita ukur / theodolite / GPS untuk memastikan ketepatan barisan.
- Garisan utama diukur dan ditanda terlebih dahulu (baseline).
- Dari baseline, barisan lain diukur dengan jarak tetap 23 kaki.
- Pancang ditanam teguh di setiap titik pokok, lorong sampah dan parit.
- Semua barisan hendaklah lurus apabila dilihat dari arah melintang dan membujur.
- Semua barisan pokok mesti selari dan tepat mengikut jarak.
- Lorong sampah mesti jelas dan sekata pada setiap 4 barisan pokok.
- Parit ladang hendaklah lurus, mempunyai kecerunan sesuai untuk aliran air.
- Pemeriksaan bersama pihak ladang perlu dibuat sebelum menanam anak pokok.

6.4. Susun atur kerja-kerja membaris. Rujuk rajah 14.

SPESIFIKASI KERJA-KERJA PEMBANGUNAN LADANG KELAPA BANGGOL (fasa 1A)



Rajah 14: Susun atur kerja-kerja membaris